

GARIS PANDUAN SIMULASI PROGRAM

A. PENGENALAN

Garis panduan ini menerangkan kaedah pelaksanaan Simulasi Program bagi Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB). Konsep Simulasi Program adalah:

- i. program yang **WAJIB** dilaksanakan oleh semua kelas KKB sebelum pelaksanaan Projek Komuniti. Simulasi ini hendaklah selari dengan konsep Projek Komuniti;
- ii. program **WAJIB DIHADIRI** pelajar setiap kelas berkenaan;
- iii. berskala kecil dari aspek penyertaan pihak berkepentingan, kos, kumpulan sasaran dan sebagainya;
- iv. tempoh pelaksanaan program adalah pada minggu ke 5 atau 6, dengan maksimum 2 jam kredit KKB;
- v. lokasi program berada dalam radius 15km dari UPM;
- vi. hanya dua (2) kelas KKB yang dibenarkan bergabung;
- vii. medium penajaan pendapatan untuk pelaksanaan Program Komuniti;
- viii. penerapan kemahiran insaniah (KI) dan kemahiran teknikal di kalangan pelajar.

B. PELAKSANAAN SIMULASI PROGRAM

- i. Fasilitator perlu mencadangkan tarikh dan pengisian kepada Fasilitator Khas. Tarikh ini perlu ditetapkan dalam minggu ke 2 dan ke 3, dan dimaklumkan kepada pelajar kelas KKB.
- ii. Mengadakan taklimat khusus kepada pelajar kelas.
- iii. Bagi Program Komuniti yang melibatkan protokol khusus dan tetamu kenamaan, simulasi ringkas boleh diadakan pada kelas mingguan.
- iv. Penekanan diberikan kepada aspek berikut:
 - penubuhan AJK program
 - TOR setiap AJK
 - perancangan dan pengisian program
 - post mortem

C. SENARAI SEMAK SIMULASI PROGRAM

Fasilitator dengan nasihat Fasilitator Khas perlu memastikan senarai semak berikut dipatuhi sebelum pelaksanaan Simulasi, iaitu

- Tarikh, masa dan tempat
- Penubuhan ahli jawatankuasa
- Terma rujukan setiap jawatankuasa – perlu diterangkan
- Dokumentasi perancangan iaitu Kertas Konsep / Ringkasan Eksekutif ringkas atau Rancangan Perniagaan (bagi Simulasi yang melibatkan keusahawanan)
- Perancangan program – berdasarkan terma rujukan ahli jawatankuasa dan dokumentasi perancangan. Perlu tetapkan keterlibatan pihak berkepentingan, aturcara serta jangkaan output (ROE – return of expectation).
- Mengadakan raptai ringkas, dengan protokol yang berkaitan.
- Mengadakan *post-mortem* yang direkodkan untuk tujuan penilaian.

Bagi memudahcara perancangan Simulasi Program berdasarkan senarai semak, sila rujuk manual / dokumen berkaitan di laman web berikut:

- i. Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) – www.coscomm.upm.edu.my
- ii. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) – www.bhep.upm.edu.my
- iii. Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) – www.cem.upm.edu.my